

**Sultan Pahang Minta Rakyat Doakan Kesejahteraan Pasukan Keselamatan Di Sabah**  
**Bername**  
**12 Mac, 2013**

KUANTAN, 12 Mac (Bernama) -- Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah mengajak seluruh rakyat bersatu hati serta mendoakan kesejahteraan pasukan keselamatan yang bertugas menjaga kedaulatan negara di Lahad Datu, Sabah.

Baginda yang sedih dengan kejadian pencerobohan di Sabah yang meragut nyawa sembilan anggota keselamatan itu turut meminta seluruh rakyat menyokong sepenuhnya tindakan yang dilakukan kerajaan bagi membela kedaulatan negara.

"Saya sebagai rakyat, raja pemerintah Pahang, saya berasa sangat dukacita kerana benda ini berlaku.

"Tapi kita mesti mendoakan di atas kesejahteraan, keselamatan rakyat, perwira-perwira kita menghadapi penceroboh di Sabah," titah baginda kepada pemberita selepas merasmikan Taman Pengasuh Sultan Ahmad Shah, di sini Selasa.

Baginda turut mengajak rakyat menyokong tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sultan Ahmad Shah turut bertitah supaya tidak ada pihak yang bercakap sesuka hati mengenai insiden di Lahad Datu itu.

"Jangan duduk kedai kopi dan cakap yang bukan-bukan..," titah baginda.

Titah baginda, menjaga keharmonian dan keselamatan negara bukan hanya tanggungjawab pasukan keselamatan tetapi menjadi kewajiban setiap rakyat.

Baginda turut bertitah meminta masjid di Pahang mengadakan sembahyang hajat bagi mendoakan kesejahteraan pasukan keselamatan yang bertugas di kawasan pencerobohan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=933963>